



جَبَاتِن كَهَاكِيمِن سَرِيَاةِ نِغَرِي پُلَاو پِنَاڠ
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG
No. 3, Jalan Batu Gantung,
10450 Pulau Pinang.



Tel : 04-8307777
Faks : 04-8307899
Portal Rasmi : <http://www.jksnpp.gov.my>

Ruj. Kam : JKSP.600-1/3/3 (24)
Tarikh : 30 Januari 2026
11 Syaaban 1447H

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Pendaftar dan Penolong-Penolong Pendaftar
Jabatan Bantuan Guaman Negeri Pulau Pinang
Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pulau Pinang

Yang Arif/ Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA PENDAFTAR BILANGAN 3 TAHUN 2026
GARIS PANDUAN PENGGUNAAN DAN PELAKSANAAN
SISTEM CARIAN PERINTAH (*e-SeeJudge*)
DI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Tuan-Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Pendaftar dan Penolong-Penolong Pendaftar, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Bantuan Guaman Negeri Pulau Pinang terhadap keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan Keselamatan ICT Bil. 1 Tahun 2025 pada 3 Mei 2025 dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Rekod Bil. 1 Tahun 2025 pada 18 Jun 2025 telah bersetuju dan mengesahkan untuk mengguna pakai Garis Panduan Penggunaan dan Pelaksanaan Sistem Carian Perintah (*e-SeeJudge*) di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang seperti di Lampiran A.


Arahan ini berkuat kuasa mulai 30 Januari 2026.

(ASRUL NIZAM BIN YAHYA)
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang

SYARIAH ASAS KeadILAN



CARTA ALIR (e-SeeJudge)



GARIS PANDUAN PENGGUNAAN DAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN REKOD

SISTEM PENGURUSAN CARIAN PERINTAH (*e-SeeJudge*)

1. Proses Kerja dan Manual Pengguna Sistem Pengurusan Carian Rekod adalah seperti di **Lampiran 1**.
2. Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) boleh melaksanakan carian rekod perintah kes apabila terdapat permohonan carian daripada pelanggan.
3. PTRJ boleh mengemaskini fail/ perintah kes sekiranya perlu dan berkaitan.